

**050-Ulasan Buku / Book Review: Asna Al-Matholib Fi Ahadith
Mukhtalifah Al-Maratib, Karangan Al-Imam Al-Muhaddith
Muhammad Ibnu Al-Sayyid Darwisy Al-Hut**

***Mohamad Muntaha bin Hj Saleh
Daud bin Mohamed Salleh
Amnah Saayah bin Ismail
Burhanuddin bin Jalal**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Perdana, Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur

*E-mel: muntaha@upnm.edu.my

ABSTRAK

Para sarjana hadith kontemperori mendapati banyak buku dalam disiplin ini telah ditulis oleh ramai kalangan ulama silam. Antaranya ialah buku yang berjudul *Asna al-Matholib Fi Ahadith Mukhtalifah al-Maratib*. Buku ini yang ditulis oleh Mohammad ibn al-Sayyid Darwisy al-Hut al-Beiruti telah diterbitkan oleh *Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladuhu*, Mesir pada tahun 1924. Objektif kajian ini adalah untuk menonjolkan satu daripada bahan pengajian dalam bidang hadith yang berkaitan dengan status sesuatu hadith atau kisah yang masyhur dalam kalangan masyarakat Islam. Buku ini mengandungi 1,784 buah hadith berserta status setiap satu daripadanya yang disusun mengikut huruf abjad arab. Antara hadith tersebut ialah kelebihan amalan pada hari Asyura' selain daripada puasa dan kisah ulat berguguran jatuh dari tubuh nabi Ayub a.s yang semuanya adalah palsu. Kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan digunakan sebagai kaedah utama dalam kajian ini. Justeru, penyelidik mendapati bahawa buku ini sangat menarik kerana penjelasannya ringkas dan mudah bagi pembaca mengetahui kategori pelbagai hadith yang popular atau yang sering kali diperkatakan oleh masyarakat awam. Melalui penghayatan kepada buku ini, ia akan berupaya melatih masyarakat supaya amanah dengan ilmu dan menerima kebenaran berdasarkan hujah, dalil atau rujukannya yang sahih. Sekalipun banyak kitab hadith yang besar seperti *kutub al-Tis'ah*; iaitu sahih al-Bukhari, sahih Muslim, sunan al-Tirmizi, sunan Abi Daud, sunan al-Nasa'i, sunan Ibnu Majah, musnad Imam Ahmad, al-Muattha' Imam Malik, sunan al-Darimi dan lain-lain yang boleh dipelajari, namun buku ini penting sebagai mukadimah kepada penerokaan pelbagai kitab hadith yang besar tersebut.

Kata Kunci : Ulum Hadith, Kategori Hadith



PENDAHULUAN

Hadith yang merupakan segala perkataan, perbuatan dan membenaran Rasulullah s.a.w adalah sumber kedua dalam Islam setelah al-Quran. Ia tetap terpelihara dengan baik melalui ilmu sanad yang disusun berasaskan disiplin yang kukuh dan kaedah yang sistematik. Ilmu sanad berfungsi sebagai agen pengawal kepada ketulian sesuatu hadith Nabi s.a.w dengan pelbagai pendekatan, termasuklah melalui penyusunan buku yang memuatkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w berserta kategori setiap satunya. Satu di antara buku dalam kategori tersebut ialah *Asna al-Matholib Fi Ahadith Mukhtalifah al-Maratib* karangan al-Imam al-Muhaddith Muhammad Ibnu al-Sayyid Darwisy al-Hut al-Beirutiy.

Buku *Asna Al-Matholib*

Buku *Asna al-Matholib Fi Ahadith Mukhtalifah al-Maratib* ini sesuai disebut dengan maksud utamanya iaitu; Status Pelbagai Hadith Popular. Ia sangat istimewa kerana ringkas dan padat serta menggunakan metode mengetahui lafaz pertama daripada *matan* hadith. Ia berbeza daripada gaya penulisan karya-karya lain penulis dalam pelbagai disiplin ilmu seperti penilaian biografi perawi, sejarah, tafsir al-Quran, puisi dan fikah Syafie.

Buku ini telah disusun semula oleh syeikh Abdul Rahman yang merupakan anak kepada penulis. Ia merupakan sebahagian dariada tulisan syeikh Muhammad bin Darwisy setelah mempelajari dengan mendalam ilmu hadith daripada ramai gurunya termasuklah syeikh Abdul Rahman al-Yamaniy. Antara penerbit buku ini yang terkenal ialah; Mustafa al-Babiy al-Halabiy Mesir yang menerbitkannya pada tahun 1924 (1346 Hijriyah) dengan ketebalan 296 mukasurat dan disemak oleh Ibrahim bin Hasan al-Ambabiy. Manakala Maktabah al-Asriyah dan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut pula menerbitkannya pada tahun 1983 (1256 Hijriyyah) dengan 392 mukasurat berserta tambahan takhrij serta senarai kitab-kitab yang digunakan untuk takhrij. Edisi ini ditahqiq oleh Mustafa Adbel Qader Atho.

Penulisan buku ini dimulai dengan empat pendahuluan (muqaddimah). Yang pertama ialah pra kata penerbit yang menyebut tentang penyusunan buku ini dilakukan oleh anak penulis yang bernama syeikh Abdul Rahman al-Hut. Beliau menceritakan perihal bapanya yang sangat mahir dalam ilmu hadith dan telah menulis banyak buku dalam bidang hadith, termasuklah buku ini yang merupakan ringkasan kepada tulisan gurunya yang bernama syeikh Abdul Rahman al-Yamaniy. Yang kedua ialah biodata pengarang yang ditulis oleh syeikh Qasim Abu al-Hasan al-Kisatiy. Beliau turut menyebut bahawa syeikh Muhammad al-Hut adalah bermazhab al-Syafie dan berkerja dalam dunia perniagaan.

Muqaddimah yang ketiga adalah pengenalan ilmu Mustalah al-Hadith. Ia khusus memperkenalkan pelbagai istilah pengkategorian hadith yang digunakan dalam buku ini seperti sahih, hasan, daif, marfu', mungkar dan lain-lain. Yang keempat adalah muqaddimah pengarang. Beliau menjelaskan cetusan idea penulisan buku ini adalah muncul setelah mendapati kitab

tulisan ulama terdahulu sukar untuk dimanfaatkan oleh masyarakat awam, walaupun sangat berguna untuk para pengkaji hadith. Kitab Ibnu Hajar al-Asqalaniy umpamanya, ia



hanya meletakkan hadith dengan pelbagai *туруq*. Manakala Imam al-Sakhawiy pula hanya meringkaskan (*mukhtasar*) kitab Imam Ibnu Hajar. Demikian juga kitab Imam Abdul Rahman al-Yamaniy yang hanya meletakkan nama para perawi tanpa menjelaskan kategori atau status hadith tersebut.

Pengarang

Pengarang kitab ini ialah al-Sayyid Abu Abdillah; Muhammad ibn al-Sayyid Darwisy Hut al-Beirutiy. Beliau disebut sebagai muhaddith zamannya yang terkenal dengan kesolehan, seorang yang zuhud, hafiz al-Quran dan tegar menuntut ilmu. Beliau dilahirkan di Beirut pada tahun 1209 hijriyah iaitu tahun 1788 Miladiah. Beliau sempat belajar daripada tokoh ulama hadith semasa iaitu syeikh Abd Latif Fathullah dan syeikh al-Masiriy al-Iskandariy yang tinggal di Beirut di akhir usia keduanya. Setelah itu beliau berhijrah ke Dimaskus, Syria dan belajar dari al-Allamah al-syeikh Muhammad bin Abidin al-Hanafiy pada tahun 1229 hijriyyah. Beliau sangat aktif mempelajari pelbagai ilmu Islam daripada guru yang ramai, termasuklah bapanya sendiri. Dengan ketinggian ilmu dan keperibadiannya yang baik, beliau telah diberi izin mengajar dan menulis buku dengan pelbagai judul. Beliau meninggal dunia semasa berusia 67 tahun pada 8 Zulhijjah 1276 hijriyah, bersamaan tahun 1855 miladiyah, dan dikuburkan di tanah perkuburan al-Basyurah, Beirut.

Kelebihan 1 : Susunan Isi Kandungan Mengikut Abjad

Susunan Hadith mengikut abjad adalah antara keistimewaan buku ini, kerana ia sangat memudahkan para pembaca untuk mencari sesuatu hadith. Dalam buku ini terdapat sebanyak 1,784 buah hadith yang diletakkan dalam kumpulan huruf mengikut abjad pangkal hadith dari al-Hamzah sehingg Ya' seperti susunan mu'jam. Pecahan bilangan hadith bagi setiap huruf adalah seperti yang dinyatakan melalui **Rajah 1** berikut.

Bil	Huruf / Abjad	Nombor Hadith	Catatan
1.	Hamzah	1 - 439	
2.	Ba'	440 - 474	
3.	Ta'	475 - 526	
4.	Jim	527 - 546	
5.	Ha'	547 - 596	
6.	Kho'	597 - 642	
7.	Dal	643 - 685	
8.	Zal	686 - 692	
9.	Ro'	693 - 727	
10.	Zain	728 - 740	
11.	Sin	741 - 783	
12.	Syim	784 - 809	
13.	Sad	810 - 843	
14.	Dhat	844 - 851	
15.	Tho'	852 - 868	
16.	Zho'	869 - 870	
17.	'Ain	871 - 945	
18.	Ghain	946 - 952	
19.	Fa'	953 - 978	



20.	Qaf	979 - 1022	
21.	Kaf	1023 - 1132	
22.	Lam	1133 - 1219	
23.	Mim	1220 - 1599	
24.	Nun	1600 - 1643	
25.	Ha'	1644 - 1648	
26.	Wau	1649 - 1662	
27.	Lam Alif	1663 - 1760	
28.	Ya'	1761 - 1784	

Rajah 1. Bilangan hadith mengikut susunan abjad

Kelebihan 2 : Setiap Hadith Diberi Status atau Kategori

Bagi setiap hadith yang telah disusun mengikut abjad ini, dinyatakan kategori atau statusnya pada setiap hujung hadith tersebut. Pengarang tidak terikat menyatakan status dengan hanya menyebut riwayat imam Muslim, hadith sahih, hasan, dhaif, mungkar atau lain-lainnya. Bahkan turut menyebut nama perawi atau menyatakan ia bukan hadith. Berikut adalah beberapa contoh tersebut;

1. Huruf Hamzah.

Nombor (1) iaitu; *Telah datang ke arah pintu syurga lalu diminta supaya ia dibuka. Penjaga pintu syurga berkata, siapa awak?. Lalu aku jawab; Muhammad, lalu penjaga pintu berkata; Dengan sebab awak, saya diperintahkan supaya tidak membuka pintu syurga ini kepada sesiapa pun sebelum awak.* Pengarang menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh imam Muslim.

Nombor (24) *“Hamba yang paling dimurkai oleh Allah ialah mereka yang pakaiannya lebih baik berbanding amalannya. Pakaiannya adalah pakaian para nabi, sedangkan amalannya adalah amalan kaum pelampau (Jabbarin)”.* Hadith ini diriwayatkan oleh al-'Uqailiy, dan beliau berkata ia adalah Mungkar. Ibnu al-Jauzi dan Ibnu al-'Arabiyy pula menyebut ianya sebagai palsu (Maudhu').

Nombor (137) *“Jika tiba akhir zaman dan berubah cuaca, maka hendaklah kamu mengikut pegangan agama orang-orang kampung dan para wanita.”* Terdapat perawi bernama Muhammad bin Abd Rahman al-Bayamany yang menjadikan hadith ini sebagai Mungkar. Al-Shoghaniyy berkata; hadith ini Palsu.

2. Huruf Ta'.

Nombor (507), hadith talqin kepada mayit selepas dikebumikan. Dikategorikan sebagai Dhaif oleh Ibnu al-Solah, al-Nawawi, Ibnu al-Qayyim, al-Iraqiy dan Ibnu Hajar.

Nombor (513), hadith *Dikahwini perempuan itu atas 4 faktor; kerana hartanya, keturunan, kecantikan dan pegangan agamanya, maka pilihlah yang beragama, nescaya berdebu kedua tanganmu (lantaran kesolehannya).* Muttafaqun alaih.

3. **Huruf Kho'.**

Nombor (627) pula ialah; *Sajian tengahhari yang terbaik ialah jika ia disegerakan.* Sanadnya Dhaif.

4. **Huruf Lam.**

Nombor (1133). Khabar "*Seseorang yang berpagi-pagi pergi menuntut ilmu adalah lebih baik daripada mengerjakan solat seratus rakaat*". Dirwayatkan oleh Ibnu Abdilbarr, Ibnu Majah dan al-Thobrani dalam bab; ilmu yang dipelajari oleh seseorang itu lebih baik daripada seratus rakaat.

5. **Huruf Mim.**

Nombor (1597) ialah; *Kematian itu adalah penebus dosa kepada semua muslim.* Ibnu al-Jauzi menyebut ianya sebagai palsu (Maudhu'). Berbeza dengan Ibnu al-'Arabi yang mengategorikannya sebagai sahih dan al-'Iraqiy serta Ibnu Hajar mengategorikannya sebagai hasan.

6. **Huruf Ya'.**

Nombor (1767) "*Dibangkitkan semula setiap hamba itu nanti berdasarkan atas apa kematiannya*". Riwayat Imam Muslim.

Kelebihan 3: Turut Memuatkan Beberapa Persoalan Penting Dalam Ilmu Hadith

Antara yang menarik pada buku ini ialah terdapat tiga bab akhir bagi menghuraikan beberapa persoalan penting dalam ilmu hadith. Pengarang menamakan tajuk-tajuk kecil ini dengan *faedah*, *Faslun*, *Waslun* dan *Qissatun* yang menghimpunkan 32 tajuk kecil, 19 hadith lain dan 7 buah cerita popular dalam masyarakat Islam. Tiga bab tersebut ialah;

Bab Satu; Pada Menyatakan Sebab Terjadinya Pemalsuan Hadith serta Tanda-Tandanya. Dalam bab ini terdapat beberapa perkara yang dijelaskan secara berfokus iaitu ;

1. Faktor wujudnya hadith palsu menurut Imam Ibnu al-Jauziy, iaitu;
 - a. Berlebihan dengan sifat zuhud sehingga mengabaikan hafalan.
 - b. Mereka yang kehilangan buku catatan lalu mereka-reka berdasarkan apa yang tersisa daripada hafalannya.
 - c. Golongan perawi yang *thiqah* tetapi jadi pelupa semasa tua.
 - d. Mereka yang sengaja meriwayatkan sesuatu maklumat salah dan tidak mahu membetulkannya sekalipun telah mengetahuinya.
 - e. Kumpulan *zindiq* yang sengaja mencipta hadith palsu untuk merosakkan syariat Islam.
 - f. Mereka yang sengaja mencipta hadith palsu untuk menyokong kumpulannya seperti yang dilakukan oleh muktazilah, rafidhah dan lain-lain.
 - g. Mereka yang mencipta hadith palsu targhib dan tarhib untuk menggalakkan masyarakat awam supaya beramal soleh.



- h. Mereka yang berusaha untuk mendekati diri kepada para pemimpin.
 - i. Golongan panglipurlara yang tidak merasai mereka melakukan sebarang kesalahan.
 - j. Mereka yang menukilkan segala kandungan tazkirah para guru dengan anggapan ia adalah betul hadith Nabi s.a.w.
 - k. Golongan yang berkerja memperbaiki masyarakat lalu bermimpi jumpa Rasulullah s.a.w lantas menceritakan nasihat-nasihat daripada Rasulullah s.a.w kepada orang ramai tanpa menyebut ia diperolehi dari dalam mimpi.
2. Tanda-tanda hadith palsu (*Maudhu'*) ialah;
- a. Bercanggah dengan sunnah yang sahih.
 - b. Hadith palsu tersebut menceritakan secara terperinci berserta tarikh, seperti peristiwa bulan terbelah pada bulan Muharram.
 - c. Penggunaan bahasa yang sangat lemah dan tidak teratur, seperti hadith sekiranya nasi berupa seorang lelaki, nescaya ia adalah lemah lembut.
3. Tiga buah kitab yang tidak diketahui asal usulnya (*La asla laha*) menurut Imam Ahmad bin Hambal, iaitu;
- a. Dalam bidang tafsir iaitu *Kitab al-Kilaby* dan *Muqatil bin Sulaiman* (kata imam Ahmad, ia KAZIB),
 - b. Dalam bidang peperangan kitab Muhammad bin Ishak, dan Muhammad bin Umar al-Waqidiy (kata imam Syafi'e; ia Kazib dan kata Ali bin al-Madaniy, bahawa al-Waqidiy meriwayatkan 30,000 hadith yang tidak diketahui asal-*La As la Laha*). Sebaliknya periwayat yang paling sahih dalam bab peperangan ialah Musa bin Uqbah yang dimuatkan di dalam sahih al-Bukhari.
4. Pengarang seterusnya menyebut tentang sebelas buah kitab yang mengandungi pelbagai hadith palsu dan empat buah kitab popular yang sangat tinggi dan mendalam ilmunya, namun terdapat di dalamnya hadith-hadith palsu, iaitu ;
- a. *Ihya' Ulumiddin* karangan Imam al-Ghazali.
 - b. *Tanbihul Ghafilin* karangan al-Samarqandiy.
 - c. Sunan Imam Termizi.
 - d. *Al-Raudhul Fa-iq* karangan al-Harifish.

Bab Dua; Menghimpunkan Hadith-Hadith Penting. Antaranya ialah:

1. Hadith-hadith tentang akal ini yang ditulis oleh Maisarah bin Abd Rabbihi, semuanya palsu (*maudhu'*).
2. Hadith kelebihan selawat setiap hari-hari tertentu dalam seminggu, adalah tidak sahih.
3. Hadith-hadith kelebihan bulan Rejab seperti rejab bulan Allah, kelebihan rejab berbanding bulan-bulan lain, solat selepas maghrib pertama di bulan rejab, malam jumaat pertama di bulan rejab dan lain-lain. Menurut al-Qari semuanya tidak sahih dan Ibnu Rajab al-Hambali berkata, 'tidak ada yang sahih berkaitan kelebihan bulan rejab'.

4. Hadith-hadith kelebihan Nisfu Sya'aban.
5. Hadith-hadith kelebihan hari 'Asyura'. Memang thabit adanya hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Aishah r.a tentang puasa sunat pada hari asyura'. Namun yang berkaitan sambutan seperti memakai celak, berhias cantik, ziarah-menziarahi dan lain-lain yang baik adalah tiada sandarannya kepada Rasulullah s.a.w, tetapi ia adalah rekaan kumpulan Rafidah. Demikian juga apa yang diceritakan bahawa nabi Adam bertaubat, nabi Nuh selamat, nabi Ibrahim tidak terbakar, nabi Ayub sehat, nabi Yunus selamat keluar dari perut ikan dan sebagainya berlaku pada hari asyura', Semuanya ini adalah tipu (kazib) dan tiada asal usulnya.

Bab Tiga; Pelbagai Perkara Yang Masyhur Dalam Kalangan Masyarakat. Antara kisah yang dinyatakan oleh pengarang ialah :

1. Kisah permusafiran Bilal ke Syam dan kembali ke Madinah selepas kewafatan Nabi s.a.w kerana bermimpi bertemu baginda s.a.w. Kisah ini tiada asal usulnya (La asla lahu) menurut al-Qari.
2. Kisah anak-anak saidina Jabir bergaduh sehingga mati salah seorang daripada mereka. Ini adalah palsu (maudhu').
3. Kisah saidina Umar bersama anaknya yang bernama Abi al-Syahmah yang didatangi oleh seorang wanita bersama bayi...Ini adalah palsu (maudhu').
4. Kisah Nabi Ibrahim a.s bersama isteri baginda Siti Sarah..Kisah ini tidak sahih.
5. Kisah pisau nabi Ibrahim a.s tidak melukai leher nabi Ismail a.s. Kisah ini adalah pembohongan kerana tidak disebut dalam al-Quran.
6. Kisah penyakit Nabi Ayub a.s sehingga ulat berguguran dari tubuh baginda. Kisah ini adalah tipu (kazib).
7. Kisah kemurkaan Allah kepada Nabi Daud a.s kerana berperang untuk mengahwini isteri Uriya. Kisah ini adalah penipuan dan kepalsuan yang direka oleh orang Yahudi.
8. Kisah gharanik, Harut Marut telah disebut dalam abjad Ghain dan Ha'.
9. Teks surat Nabi Yaakob a.s kepada pemerintah Mesir yang menawarkan untuk mendoakan beliau bertemu anaknya yang ketujuh jika menyerahkan kembali Binyamin. Khabar ini tiada asal usulnya dan tiada sebarang sanad sekalipun sering diceritakan oleh ahli tafsir.
10. Demikian juga kisah yang masyhur tentang batu terangkat di BaitulMaqdis kerana mengikut Rasulullah s.a.w untuk mikraj, adalah tiada asal usulnya (La asla lahu), kerana ia merupakan cakap-cakap orang serta tidak disebut oleh ahli ilmu (pakar) dan tiada sanad.

Kelebihan 4: Membicarakan Perihal Kehidupan Para Nabi di Alam Barzakh

Mengakhiri buku ini, pengarang meletakkan satu tajuk kecil (*Faedah*) yang membicarakan tentang kehidupan para Nabi a.s. di alam barzakh berbeza daripada kehidupan duniawi. Tidak seperti tidur, dan bukan juga seperti kematian orang selain mereka. Jasad para Nabi di dalam kubur adalah dipelihara Allah, sehingga mereka boleh menjawab salam, namun tetap berbeza daripada alam duniawi. Demikian juga kisah orang soleh yang melihat Rasulullah s.a.w secara sedar (*yaqazah*). Hal ini tidak dapat dinafikan, tetapi ia berlaku dalam alam *rohaniyah* bukan



berjasad, kerana jasad baginda turut boleh dilihat oleh orang kafir seperti semasa hayat baginda s.a.w. Kisah Sayyid al-Rifaie yang menziarahi Rasulullah s.a.w dan meminta baginda menghulurkan tangan untuk beliau bersalaman, adalah kehendak Allah dalam memuliakan para *salihin* dengan mendatangkan cahaya dari jasad Rasulullah yang menyerupai jasad baginda sehingga ia dilihat benar jasad Rasulullah s.a.w lantaran terlalu merindui baginda s.a.w.

PENUTUP

Buku ini amat sesuai dibaca dan dikuasai oleh setiap muslim, terutamanya para pencinta ilmu secara khusus bidang pengajian Islam atau ilmu Hadith. Ini kerana, setiap hadith Nabi s.a.w perlu dipastikan status dan sumbernya yang sebenar berdasarkan disiplin ilmu *takhrij al-hadith*. Buku ini juga penting untuk memudahkan orang awam yang sedang mempelajari ilmu berkenaan hadith, tetapi inginkan maklumat secara segera tanpa perlu bersusah payah membuka kitab-kitab besar. Sehubungan dengan ini, membaca buku ini ia akan mencetuskan rasa tanggungjawab seseorang terhadap setiap hadith yang dipetik atau yang disembarkannya. Demikian juga, buku ini sangat sesuai untuk dibaca oleh pendakwah yang lazimnya akan menggunakan pelbagai hadith semasa berceramah.

RUJUKAN

- Al-Khathib, M. 'Ajaj, Dr. (1999), *Keutamaan Ilmu-Ilmu Hadis*, Johor Bharu, Badan Cemerlang.
- Huda Muhsin, (1985), *Pengenalan Hadith as-Sunan as-Sittah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Syuhudi Ismail, Dr. (1987), *Kaedah Kesahihan Hadis*, Selangor, Thinkers Library. Pustaka Media Jaya.
- Subhi al Shaleh. 1997. *Ulum al Hadits wa Musthalahu*. Cetakan Darul ilm, Beirut.
- Yusuf Al-Qaradawi. 1998. *Al-Sunnah Masdaran Li Al-Ma'Rifah Wa Al-Hadarah*, Dar al-Syuruq.
- Zulkifli. 2018. *Hadith Mawdhu' (Palsu)*. Irsyad Al-Hadith Siri Ke-249.